

# INSAFLAH....! JIKA MAU INSAF

[ Di bawah ini disiarkan rencana pengarang Utusan Melayu bertarikh 1 Januari 1953 sebagai rencana membuka tahun baharu Masihi 1953 dengan suatu cara yang kita faham adalah membawa faham-faham yang “mengkolotkan al-Quran dan al-Hadis “yang menjadi asas di dalam hukum-hukum Islam sekalipun hukum-hukumnya itu” tidak menjadi makanan otak” dan apalagi asas hukum-hukumnya itu menjadikan suatu ketetapan yang didatangkan oleh Allah perbuatan-perbuatan yang demikian itu kafir, fasik dan zalim. Lebih lanjut lihat ulasannya pada muka 31]

## AL-YAWM DAN AL-AZHAR

Baharu-baharu ini telah tersiar satu berita Associated Paris tentang suatu tajuk rencana surat khabar al-Yawm yang berpengaruh di Mesir yang telah menuduh Universiti Al-Azhar yang berusia 1000 tahun di Kaherah itu menggunakan cara-cara tabir besi ke atas kemerdekaan perseorangan 400 juta orang Islam sedunia.

Berita tersebut adalah satu dugaan yang belum pernah berlaku kepada pihak yang berkuasa universiti Azhar, dan fatwa ulama-ulamanya untuk mengadakan “dogma” (taqlid buta) bagi sekalian orang Islam telah disiarkan di bawah keadaan-keadaan penapis yang baharu dilonggarkan. Ulama-ulama itu, kata surat khabar tersebut, baharu-baharu ini telah memfatwakan bahawa wanita tidak boleh mencampuri politik, bahawa faham komunis adalah bertentangan dengan ajaran agama, dan bahawa kerajaan-kerajaan Arab serta kerajaan-kerajaan Islam hendaklah menentang dasar-dasar “imperialis yang menindas” sebagaimana dasar Perancis dalam memerintah negeri Islam di barat laut Afrika.

---

(sambungan daripada muka 32)

kewajipannya dan kerajaan cuai daripada menyiasat dan mengikis dengan sahalus-halusnya cara-cara membawa anasir merah ke dalam jiwa orang-orang kita Islam yang dibawa dengan berbagai-bagai jalan seperti dalam cerita-cerita pendek, rencana pengarang dan sebagainya pada hal anasir-anasir itu musuh kerajaan dan musuh

Tajuk rencana surat khabar al-Yawm itu selanjutnya

berkata “Kita tidak menentang al-Azhar dalam memberikan fikiran-fikirannya atas segala perkara. Tetapi kita menentang kepercayaannya bahawa segala fatwanya mesti dituruti dan jika tidak dituruti maka bererti ingkar terhadap agama. Dalam Islam tidak ada pihak yang berkuasa agama atau badan-badan ketua agama. Tidak ada “hierarki” (komplot-komplot ketua agama) dalam Islam. Sekalian orang Islam adalah sama tarafnya dalam memahami dan mengamalkan dasar-dasar Islam.”

Surat khabar al-Yawm berkata lagi, “Al-Azhar telah mengadakan fatwa-fatwa tentang ekonomi, wayang gambar, panggung wayang, sejarah, kesusasteraan dan kesenian. Ia boleh dikatakan sudah menurunkan tabir besi di sekeliling orang-orang Islam.”

Sesungguhnya sangat mengejutkan bahawa buat kali pertamanya pentafsiran kolot tentang ajaran-ajaran agama Islam ini ditafsirkan pula dengan satu cara yang baharu kepada rakyat-rakyat Islam di Malaya. Fatwa-fatwa dari al-Azhar itu malah dianggap sebagai terlalu maju oleh ulama-ulama kolot

kita.

Kita tidak menyeru supaya ulama bangkit merampas kuasa seperti yang nampaknya dikehendaki oleh rencana pengarang itu oleh kerana kita hanya menghendaki ulama-ulama memimpin umat dengan al-Quran dan al-Hadis kepada jalan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan bersama di seluruh dunia ini adanya.

di Malaya. Betapakah kelak fikiran mereka terhadap rencana pengarang surat khabar al-Yawm yang berpengaruh di Mesir itu sebagaimana disebutkan di atas?

Bagi kita dan juga bagi semua orang di lain-lain tempat di seluruh dunia fikiran seperti ini adalah menjadi makanan otak. Fikiran serupa ini memang sangat payah hendak dimasukkan dalam kepala, di fikiran dan diterima biasanya Mesir, di samping Arab, adalah dipandang sebagai negara yang menjadi punca undang-undang dan sejarah Islam, dan sekarang mungkinkah Mesir tidak dapat lagi dianggap pemimpin negeri-negeri Islam?

Sekarang oleh kerana surat khabar Mesir al-Yawm yang

berpengaruh itu sudah terang-terang menentang fatwa-fatwa “dogmatik” (taqlid buta) dari ulama-ulama al-Azhar itu, maka perubah dalam pandangan orang-orang Islam terhadap agama mulai timbul dan ini adalah satu ujian serta panggilan kepada sekalian orang Islam untuk mengikuti peredaran masa.

Malaya sepatutnya boleh mengikuti kesedaran bahawa dalam agama Islam ini yang semenjak berabad-abad yang lalu telah tertolak ke belakang dan kita suka jika ulama-ulama di Malaya dapat memberi ulasan-ulasan mereka tentang sikap baharu terhadap agama sebagaimana yang telah dimulakan oleh pengaruh baharu orang kuat Mesir, Jeneral Najib. Mahukah atau tidak ulama-ulama Malaya mengikut sikap Najib?

---

(Sambungan daripada muka 17)

penuh yang berkehendakkan sokongan yang penuh di dalam perjuangan yang hebat ini, segala tenaga dan perolehan dan kebolehan bangsa adalah sangat dikehendaki dan dikorbankan “keyakinan yang penuh di atas kejayaan, kepercayaan yang teguh di atas kebolehan bangsa dan kebulatan cita-cita merdeka adalah semuanya dikehendaki ditumpukan di dalam perjuangan bangsa itu dan semuanya dikehendaki dengan semangat yang ikhlas dan kerana bangsa. Akan tetapi bagaimanakah keadaan Melayu sekarang? Berbagai hal dan keadaan sedang didapati setengah-setengah orang yang mengaku pemimpin, bukan memimpin kepada jalan bersatu melainkan berpecah. Bukan sahaja kerana bangsa melainkan kerana maslahat diri pertubuhan atau parti ada sahaja ditubuhkan dan ada yang sedang di dalam cadangan dan di dalam cadangan-cadangan itu, yang peliknya, ada pula cadangan hendak menubuhkan parti politik yang tiada berdasar kemerdekaan akan tetapi telah ditegaskan dengan jelas untuk menentang sebuah pertubuhan politik lain.

Sementara itu golongan yang mengaku alim ulama, sibuk dengan bertengkar dengan masalah-masalah yang lama yang tiada pernah diputuskan. Bukan itu sahaja akan tetapi sudah berlaku puak-puak kerana dalil, tiada mahu tunduk kepada orang lain atas jalan yang membuka mata dan hati semata-mata

kerana menjaga maslahat diri, kepada golongan ini soal kebangsaan dan negara tiada menjadi perhatian dan sebaliknya dicela pula pihak yang mengutamakan perkara-perkara ini. Politik dan tuntutan tanah air tiada menjadi kewajipan kepada mereka apatah lagi menjadi sebahagian dari soal agama.

Setengah daripada orang besar-besar dan pegawai-pegawai kerajaan yang mereka adalah sebagai pemimpin rakyat, bukan sahaja asyik mengejar-mengejar pangkat akan tetapi juga tiada hendak mencampurkan diri dengan orang-orang kebanyakan. Hanya bercampur gaul dengan orang-orang yang berpangkat dan menjauhkan diri, sama ada di dalam pergaulan mahupun di dalam majlis-majlis dengan orang kebanyakan yang pada pandangan mereka harus tidak setaraf dengan mereka itu. Bukan setakat itu sahaja akan tetapi setengah-setengahnya menjadi perkakas bagi menindih bangsa sendiri.

Apakah harapan bangsa kepada orang-orang yang seumpama itu lain tidak melainkan ialah halangan di dalam pergerakan bangsa jua. Semuanya ini dan segala kejadian-kejadian yang akan berlaku kelak di Tanah Melayu ini adalah mesti diperhatikan oleh orang-orang Melayu dengan insaf dan kesedaran dengan memikirkan apakah akan jadi kepada bangsa dan tanah air sambil menentukan apakah mesti dibuat dan apakah kewajipan sendiri